



No. Rujukan : UNIMEL/KEW/600.5.1/7/3 (010)

Tarikh : 12 Mac 2026
23 Ramadan 1447H

Assalamualaikum wr.wb. / Salam sejahtera

Perkara	MAKLUMAN BAGI MENJELASKAN TUNGGAKAN YURAN PENGAJIAN BAGI MAHASISWA/I PROGRAM PENGAJIAN ASASI SEMESTER 3 SESI I 2025/2026.
Kepada	Semua Mahasiswa/i Program Pengajian Asasi Semester 3 Sesi I 2025/2026.
Daripada	Pejabat Bendahari, UNIMEL.
Salinan kepada	<ul style="list-style-type: none">➢ YBhg. Prof Datuk Dr. Naib Canselor➢ TNC Akademik dan Antarabangsa➢ Dekan Fakulti FPHT/FKI/FSS➢ Pengarah Pusat Pengajian Asasi➢ Ketua Program API/PASS/PAP➢ Unit IT - mohon hebahan memo sahaja di website.➢ Pembantu Tadbir Fakulti - untuk tindakan paparan memo di fakulti.

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan Jadual Takwim Akademik bagi Sesi I 2025/2026 adalah dirujuk.

2. Semua pelajar yang masih mempunyai tunggakan yuran pengajian adalah **"DIWAJIBKAN"** untuk menjelaskan bayaran tersebut sebelum dibenarkan menduduki peperiksaan akhir semester sesi II 2025/2026 yang akan bermula pada **20 April 2026**.
3. Sehubungan itu, semua pelajar yang terlibat hendaklah menjelaskan keseluruhan tunggakan yuran semester **selewat-lewatnya pada atau sebelum 10 April 2026** melalui kaedah pembayaran yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti. Pelajar juga diminta untuk membuat semakan tunggakan yuran terlebih dahulu melalui **Portal Pelajar UNIMEL**. Tiada sebarang pengecualian atau lanjutan tempoh akan diberikan selepas tarikh akhir bayaran tersebut.
4. Kegagalan menjelaskan tunggakan yuran dalam tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan pelajar **tidak dibenarkan mengambil "Hall Ticket"** di Fakulti atau Pejabat Akademik dan seterusnya **tidak layak menduduki Peperiksaan Akhir Semester**.

Kerjasama dan perhatian semua amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(HJ ISMAIL BIN HASIM)
Bendahari
Universiti Islam Melaka